

Nama : _____

Kelas : _____

Jawab soalan di bawah. Isikan jawapan anda di dalam kotak. Klik FINISH setelah siap.


TERHAD

Set 3-2

BAHAGIAN A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

1. Lautan terkecil di dunia adalah
A Lautan Pasifik
B Lautan Selatan
C Lautan Hindi
D Lautan Artik
2. Apakah kesan gempa bumi terhadap sesebuah kawasan?
A Perubahan jenis tanah
B Arah tiupan angin berubah
C Keluasan kawasan bertambah
D Perubahan landskap
3. Mengapakah terbentuknya gunung bongkah?
A Pertembungan plat
B Gelinciran plat
C Hakisan ombak
D Proses lipatan
4. Berdasarkan Peta 1, yang manakah berkaitan dengan Banjaran X?



Peta 1: MALAYSIA

- I Banjaran terpanjang di Malaysia
- II Terdiri daripada gunung lipat muda
- III Menganjur sehingga ke pedalaman
- IV Puncak tertinggi ialah Gunung Korbu

- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

5. Apakah ciri fizikal yang terbentuk di peringkat hilir sungai?
A Delta
B Jeram
C Air terjun
D Lurah sempit

6. Taburan penduduk Asia Tenggara yang manakah berkaitan dengan maklumat di bawah?

- Kawasan pinggir bandar
- Pinggir Sungai Mekong


- | |
|--------------------|
| A Padat |
| B Sederhana padat |
| C Jarang |
| D Sederhana jarang |

7. Bagaimanakah cara mengurangkan kesan krisis air di Malaysia?
A Rawatan air kumbahan
B Menggunakan kereta hibrid
C Menanam lebih banyak pokok
D Berkongsi kereta

8. Apakah jenis angin tempatan di Malaysia?
I Angin Sumatera
II Bayu laut
III Bayu darat
IV Angin Monsun
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. Apakah yang menyebabkan kejadian pasang dan surut?
- A Daya koriolis
 - B Tarikan graviti antara bulan dengan bumi
 - C Peredaran bumi
 - D Tarikan graviti antara bulan dengan matahari

10. Berdasarkan Peta 2, apakah jenis angin X?



Peta 2: MALAYSIA

- A Angin Timuran
- B Angin Sumatera
- C Angin Monsun Barat Daya
- D Angin Monsun Timur Laut

11. Antara berikut, pasangan manakah yang betul?

	Pelabuhan	Kepentingan
A	Pelabuhan Klang	Eksport gas asli cecair
B	Pelabuhan Pulau Pinang	Mengendalikan kontena
C	Pelabuhan Bintulu	Pusat Muatan Negara untuk kontena
D	Pelabuhan Kuantan	Perkhidmatan penyimpanan kargo berbahaya

12. Apakah kepentingan satelit?

- I Meramal cuaca
- II Menghantar maklumat
- III Keselamatan negara terjamin
- IV Pesanan dihantar dalam bentuk teks
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Berdasarkan Peta 3, kawasan bertanda yang manakah mengalami iklim Gurun Panas?



Peta 3: DUNIA

14. Apakah keistimewaan landasan kereta api Shinkansen?

- I Menepati masa
- II Kemalangan sifar sejak beroperasi
- III Menjalankan operasi di tengah lautan
- IV Pengaliran mata wang asing
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Apakah amalan yang boleh dilakukan oleh murid di sekolah berkaitan teknologi hijau?

- I Menaiki kereta ke sekolah
- II Menyertai kempen gaya hidup sihat
- III Menggunakan kedua-dua belah kertas
- IV Mencabut plag elektrik jika tidak menggunakannya
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV